

12 JUN 2000

TPM-BSKL/I

TPM INGATKAN PELABUR JANGAN JADIKAN BSKL PENGUKUR KETEPATAN KHABAR ANGIN

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan kepada pelabur-pelabur supaya tidak menggunakan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) untuk mengukur ketepatan khabar angin atau spekulasi politik.

"Biarlah pasaran saham hanya mencerminkan fundamental dan prospek syarikat tersenarai," katanya sebagai merujuk kepada khabar angin yang timbul baru-baru ini berhubung keretakan hubungan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Kedua-dua Dr Mahathir dan Daim berulang kali menafikan khabar angin keretakan antara mereka manakala Daim juga mempertahankan bahawa beliau tidak meletakkan jawatan seperti yang digembar-gemburkan.

Bercakap di Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2000 di sini, hari ini, beliau berkata kerajaan merasa bimbang aktiviti pasaran ketika ini telah dipengaruhi oleh sentimen dan khabar angin.

"Jangan mempertaruh bagi pasaran saham berasaskan kepada sesuatu yang tidak berasas seperti khabar angin pasaran yang tidak berasas mengenai isu-isu politik di mana penganalisis kewangan, pelanggan dan spekulator tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenainya.

Abdullah berkata kerajaan akan meneruskan usaha untuk menarik pelabur-pelabur ke dalam pasaran ekuiti Malaysia di samping terus memperbaiki dan meningkatkan pasaran-pasaran ini agar ia dapat mematuhi amalan terbaik antarabangsa.

Mengenai perkembangan lain, beliau menegaskan pemulihan ekonomi yang menyeluruh dan kukuh ketika ini tidak memberi jaminan sepenuhnya bahawa krisis ekonomi tidak akan berulang sekali lagi.

Justeru, beliau berkata ekonomi Malaysia di masa depan mestilah mengelak daripada situasi kredit berisiko, bank-bank yang terdedah dan syarikat-syarikat bergearan tinggi seperti mana yang berlaku sebelum krisis tersebut.

"Malaysia perlu mengukuhkan institusi kewangan dan korporatnya," katanya sambil menambah "tanpa mengambil sebarang iktibar daripada kesalahan-kesalahan yang telah kita lakukan, usaha-usaha pemulihan hanya sia-sia belaka."

Beliau menyatakan ketika ini Malaysia sedang menimbang pelbagai strategi untuk menjadikan pasaran bon dalam negeri lebih cekap, telus dan boleh diterima untuk mengurangkan pergantungan berlebihan terhadap pinjaman bank.

Abdullah berkata untuk mengukuhkan lagi pasaran modal Malaysia, kerajaan komited untuk meningkatkan ketelusan dalam sektor korporat dan membaiki pentadbiran korporat yang dicerminkan oleh pembaharuan berstruktur, perundangan dan institusi yang dilaksanakan ketika ini.

Mengenai ekonomi, beliau menegaskan persepsi bahawa Malaysia memencilkan ekonomi untuk mempercepatkan pembaharuan ekonomi dan kewangan adalah satu tanggapan yang salah.

Bagi usaha-usaha menyelamat pula, beliau berkata kerajaan menggalakkan penyusunan semula syarikat-syarikat untuk meletakkannya kembali di kedudukan yang kukuh.

"Keyakinan kami bagi penyusunan semula korporat bukan untuk kesesuaian politik, malahan ia adalah untuk menjamin kepentingan semua pemegang saham dan mengukuhkan semula syarikat-syarikat," tambahnya.

Menjawab kritikan bahawa kawalan modal boleh menyebabkan

ketidakcekapan, beliau berkata pembangunan pasaran gelap dan kesukaran pentadbiran tidak berlaku di Malaysia.

Bagi kadar pertukaran yang ditetapkan, beliau berkata kerajaan percaya selagi tinjauan ekonomi dunia kekal positif terhadap penetapan itu, ia akan dikekalkan.

Beliau menambah dengan penetapan itu menjadikannya lebih murah bagi pelabur-pelabur asing untuk membuat pelaburan jangka panjang di negara ini dan beliau berharap syarikat-syarikat terkemuka antarabangsa akan menggunakan peluang ini untuk membuka ibu pejabat dan pusat penyelidikan mereka di Malaysia.

Abdullah juga berkata Malaysia tidak pernah dan tidak akan memulakan dasar pemencilan ekonomi.

Sikap berhati-hati Malaysia terhadap globalisasi tidak bermakna negara ini tidak bersedia menghadapi globalisasi dan liberalisasi.

Beliau berkata Malaysia komited kepada proses liberalisasi pasaran modal dan sektor kewangannya menerusi usaha-usaha seperti pemulihan, penyusunan semula sistem perbankan dan korporatnya.

-- BERNAMA

AD ZK